



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/7/2011



TUNKU Abdul Rahman melaungkan kata-kata keramat 'merdeka' semasa berucap di majlis sambutan Rombongan Merdeka di Padang Banda Hillir pada 20 Februari 1956.
- IHSAN MEMORIAL PENGISYTIHARAN KEMERDEKAAN, ARKIB NEGARA MALAYSIA

Memorial khazanah pengisytiharan merdeka

MEMORIAL Pengisytiharan Kemerdekaan diwujudkan kerajaan negeri Melaka bagi memperingati peristiwa bersejarah pengisytiharan tarikh kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman pada 20 Februari 1956.

Bangunan tersebut yang pada asalnya dikenali Malacca Club dibina sekitar tahun 1911 dan seni binanya memperlihatkan ciri-ciri tempatan dan pengaruh British masih dikekalkan.

Pengurus Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan Arkib Negara, Datu Royniehasim Datu Pindatun berkata, memorial itu menyimpan kronologi Rombongan Merdeka diketuai Tunku Abdul Rahman pulang dari London dan pengisytiharan tarikh

kemerdekaan di Padang Banda Hillir, Melaka.

Menurutnya, bahan-bahan yang dipamerkan meliputi dokumen asal, gambar, peta, surat perjanjian, teks ucapan, minit mesyuarat, majalah, keratan akhbar dan artifak berkaitan sejarah negara.

"Turut dipamerkan ialah Kereta Merdeka yang dinaiki Tunku Abdul

Rahman sewaktu diarak dari Lapangan Terbang Batu Berendam menuju ke Padang Banda Hillir untuk mengumumkan tarikh kemerdekaan negara," katanya.

Menurut Datu Royniehasim, memorial tersebut diuruskan Jabatan Arkib Negara dan semua peristiwa itu dibahagikan kepada 14 seksyen bagi memudahkan orang ramai memahaminya.

"Orang ramai berpeluang melihat gambar, mata wang, pakaian, cenderamata dan lain-lain sewaktu pengisytiharan dibuat pada tarikh keramat itu," ujarnya.

Katanya, tayangan video pula adalah mengenai peristiwa sejarah yang berlaku sepanjang tempoh tersebut termasuk pemasyhuran kemerdekaan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.